

UPM anjur pertandingan memancing

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Wang tunai kira-kira RM10,000 bakal menjadi rebutan kaki pancing sempena penganjuran pertandingan memancing di Kolam satu dan dua Taman Pertanian Universiti pada 4 November ini.

Pertandingan memancing kali kedua penganjurannya oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kumpulan Utusan itu adalah bersempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM kali ke-41 yang bakal diadakan pada 3 hingga 8 November ini.

UPM dalam satu kenyataan memaklumkan, individu yang berminat boleh membuat pendaftaran pada 3 November ini

bermula pukul 3 petang hingga 10 malam atau keesokan harinya pukul 6 pagi hingga 10 pagi.

"Penganjuran menyasarkan kira-kira 700 penyertaan selepas kejayaan menerima hampir 600 peserta pada tahun lepas.

"Pertandingan ini bukan sahaja berita gembira buat kaki pancing malah, aktiviti terbaik bagi memupuk semangat kekeluargaan," menurut kenyataan itu di sini hari ini.

Tambah kenyataan tersebut, pemenang tempat pertama bakal membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000, tempat kedua (RM2,000) manakala ketiga (RM1,000).

Sebanyak 30 cabutan bertuah juga disediakan khas buat peserta

dengan peralatan memancing dan barang elektrik.

"Selain pertandingan memancing, terdapat juga pelbagai aktiviti seperti pertandingan mewarna, larian santai sejauh 5 kilometer atau Fun Run 5KM dan jualan harga runtuh produk Kumpulan Utusan," katanya.

Sebarang pertanyaan berhubung pertandingan boleh menghubungi urusetia di talian 013-2667011 atau 013-3052811.

GELAGAT peserta yang menyertai Pertandingan Memancing Terbuka bersempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Bukit Ekspo UPM tahun lalu. - UTUSAN/ SHAIFUDIN MOHD. NOR

